



[Anak jati P. Pinang terbit filem persada antarabangsa.](#)

GEORGE TOWN - Nama Rod Manikam mungkin asing di Malaysia, namun anak kelahiran Pulau Pinang ini cukup gah di Australia apabila beliau terlibat dalam penerbitan beberapa buah filem di sana.

Rod bukan sahaja penerbit tetapi turut membintangi filem terbitan beliau di sana.

Sehingga kini, Rod melalui produksinya RodMan Pictures Pty. Ltd. telah menerbitkan tiga filem cetera dan dua filem pendek yang dipertontonkan di beberapa buah negara antaranya Amerika Utara dan Kanada serta di benua Eropah, Asia dan Afrika.

Wild Justice (2013, genre aksi), Infected Paradise (2014, genre seram), Lurking Woods (2015, genre seram ngeri), Man in the Morror (2014) dan Sofie (2014) antara filem terbitan produksi beliau yang bertapak di Kiara, Australia Barat (WA).

Rod dalam rangka lawatannya untuk mempromosikan filem Lurking Woods berkata beliau sangat teruja apabila dapat bekerjasama dengan krew produksi yang dedikasi di bawah arahan anak tempatan Malaysia, Rizal Halim.

"Filem Lurking Woods kini telah siap penggambarannya bakal ditayangkan di pawagam terpilih seluruh dunia mulai Oktober ini.

"Terima kasih kepada semua yang terlibat sepanjang penggambaran dan terima kasih Rizal kerana sudi menerima jemputan saya untuk mengarah filem seram ngeri ini.

"Bukan mudah untuk menerbitkan sebuah filem yang berkualiti selain faktor kos, faktor krew produksi juga memainkan peranan penting," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Ketika ditanya adakah beliau akan menerbitkan sebuah filem di Pulau Pinang, beliau berkata semuanya bergantung kepada sumber kewangan dan tenaga produksi.

"Semuanya memungkinkan, saya amat berbesar hati kalau dapat membuat penggambaran di negeri kelahiran saya," katanya.

Selain Rod dan Rizal, turut sama Darryl Westrup yang juga merupakan Penolong Penerbit dan pelakon dalam Lurking Woods.

Hadir sama Pengurus Jawatankuasa Filem Negeri Pulau Pinang, Cheah Kah Peng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga serta ahli-ahli jawatankuasa berkenaan, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I) dan Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera).

Rizal yang pernah membintangi filem Waris Jari Hantu dan D.I.A ketika ditemui menzahirkan ucapan terima kasih atas kepercayaan Rod untuk beliau mengarah filem kelima di bawah RodMan Pictures.

"Sebelum ini saya pernah mengarah filem pendek dan juga filem cetera di sini (Malaysia) selain menjadi pelakon tambahan dan juga stuntman (ahli lagak ngeri).

"Bekerjasama dengan Rod merupakan suatu pengalaman yang berbeza kerana sebelum ini kami sama-sama pernah berlakon di sini tetapi kali ini bekerjasama dengan 100% pelakon Australia dengan krew produksi di sana, memang berbeza tetapi menyeronokkan," katanya.

Dalam pada itu, Kah Peng berkata Jawatankuasa Filem Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan awal tahun ini sedia membantu anak-anak jati Pulau Pinang dan artis tempatan dalam mempromosikan karya seni di sini.

Jelasnya, jawatankuasa berkenaan akan bertindak membantu artis dan penerbit dari dalam dan luar negara untuk membuat penggambaran di Pulau Pinang dan membantu mempromosikannya di mata dunia.

"Ia sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan penerbit dan pengarah filem tempatan mahupun luar negara untuk membuat penggambaran di sini.

"Sebelum inipun, antara 20 hingga 30 filem termasuk drama bersiri telah menjalani penggambaran di beberapa lokasi menarik di Pulau Pinang.

"Termasuk drama bersiri dari Britain, Indian Summers yang telah dan sedang menjalankan penggambaran di Bukit Bendera bagi kesemua lima musim.

"Bangunan zaman kolonial yang masih terpelihara, suasana dan persekitaran Pulau Pinang yang unik dengan pertembungan pelbagai kebudayaan melahirkan sesuatu yang harmoni dan unik menjadikan Pulau Pinang sebagai tumpuan dalam penerbitan filem mahupun drama bersiri," katanya.

Tambahnya lagi, ramai dalam kalangan penerbit mahupun pengarah filem kelahiran Pulau Pinang akan kembali ke Pulau Pinang untuk menerbit mahupun mengarah filem mereka di sini.

Zairil dalam pada itu turut berkongsi keterangan apabila bukan sahaja produksi dari Britain berminat untuk melakukan penggambaran di sini tetapi juga negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan juga dari Taiwan turut berminat membuat penggambaran di Pulau Pinang.

"Inilah kekuatan Pulau Pinang dan inilah yang menjadi kebanggaan Pulau Pinang," katanya.

Beliau turut teruja apabila RodMan Pictures memilih untuk kembali ke tanahair mempertontonkan filem arahan anak tempatan.

"Tahniah Rodman Pictures, walaupun 100% filem ini membuat penggambaran di Australia, 100% pelakonnya ialah artis dari Australia, Rod tetap kembali ke tanahair untuk pratonton filem arahan anak tempatan di sini," kata Zairil ringkas.

Filem Lurking Woods menceritakan tentang sekumpulan pelajar (empat lelaki dan tiga perempuan) yang mengadakan pertemuan semula (reunion) setelah setahun tidak bertemu. Mereka merancang mengadakan pertemuan di sebuah hutan terpencil (di Australia). Segalanya berjalan lancar sehingga salah seorang demi seorang dibunuhan.

Filem yang mendebaran ini akan membuatkan penonton tertanya-tanya siapakah dalang di sebalik pembunuhan tersebut.

Nantikan filem ini yang akan ditayangkan di pawagam terpilih seluruh dunia, Oktober ini.